

Kuota minyak masak kedai-kedai runcit ditambah untuk musim perayaan
The Malaysian Insider
11 Januari , 2012

PUTRAJAYA, 11 JAN — Bagi memastikan bekalan minyak masak mencukupi menjelang musim perayaan Tahun Baru Cina, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah meluluskan penambahan sebanyak 10 peratus kuota minyak masak peruncit tempatan.

Menurut Bernama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, MPOB telah menghantarkan surat kepada kementerian menyatakan bahawa peruncit diberi kebenaran khas memandangkan pengangkut serta pembungkus semula dijangka bercuti panjang semasa Tahun Baru Cina 23 dan 24 Jan ini.

KPDNKK juga membuat persediaan untuk menjamin cukupnya stok minyak masak dengan menyimpan stok lebih di setiap pejabat kementerian.

Kuota bekalan minyak masak di sesuatu kawasan akan bergantung kepada populasi kawasan tersebut.

Ismail Sabri juga turut menjelaskan bahawa laporan kekurangan minyak masak seperti yang disebutkan baru-baru di Temerloh, Pahang hanya "kes terpencil". Punca kekurangan di Temerloh adalah disebabkan masalah dalaman - peruncit yang gagal menyelesaikan hutang mencecah RM50,000 kepada pemborong.

Menteri KPDNKK menambah, kurangnya stok minyak masak di beberapa kedai runcit minggu lepas pula disebabkan pembungkus semula dan pengangkut yang bercuti panjang semasa Tahun Baru. Beliau berkata bahawa "kes terpencil" seperti yang telah berlaku "tidak boleh dianggap sebagai kekurangan minyak masak."

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kuota-minyak-masak-kedai-kedai-runcit-ditambah-untuk-musim-perayaan/>